

5

Objektif 4

**URUS TADBIR BERDAYA LAKSANA
DAN KESEDARAN AWAM YANG
KOMPREHENSIF**



OBJEKTIF 4:

Urus Tadbir Berdaya Laksana dan Kesedaran Awam yang Komprehensif

Merangkumi Tiga Strategi Utama Bertujuan Mengukuhkan Struktur Pentadbiran dan Pengurusan CFS Melalui Kerjasama Semua Agensi Berkepentingan dan Menggalakkan Penglibatan Masyarakat Awam dalam Sama-sama Memelihara Kawasan CFS

Strategi 4.1 *Pengukuhan Struktur Pentadbiran dan Pengurusan CFS Secara Bersepadu*

- Tindakan 4.1a Mengukuhkan Struktur Organisasi dan Peranan Jabatan Perhutanan Negeri Sebagai Penyelaras di Peringkat Negeri*
- Tindakan 4.1b Meningkatkan Koordinasi dan Keterangkuman Semua Pihak Berkepentingan dalam Pengurusan CFS*

Strategi 4.2 *Penyediaan Peruntukan Kewangan yang Mencukupi dan Berterusan*

- Tindakan 4.2a Menyediakan Model Kewangan untuk Pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS*

Strategi 4.3

Peningkatan Tahap Kesedaran Agensi dan Masyarakat Awam Mengenai CFS

Tindakan 4.3a Menyediakan Pelan Promosi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS

Tindakan 4.3b Meningkatkan Kesedaran serta Penglibatan Awam Dalam Usaha Memelihara, Memulihara dan Melindungi Hutan

Perkaitan Strategi Objektif 4: Urus Tadbir Berdaya Laksana dan Kesedaran Awam yang Komprehensif dengan Matlamat Sustainable Development Goals (SDGs)





STRATEGI 4.1 : PENGUKUHAN STRUKTUR PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN CFS SECARA BERSEPADU

Struktur pentadbiran dan pengurusan CFS diterajui oleh KeTSA dengan penglibatan secara bersepadu pelbagai agensi teknikal di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan PERHILITAN, PTG, JAKOA, Jabatan Alam Sekitar dan pelbagai agensi lagi (**Rajah 5.1**), yang mempunyai peranan dan tanggungjawab serta tertakluk kepada punca kuasa masing-masing (**Jadual 5.1**). Tahap pencapaian pelaksanaan pelan induk ini dipengaruhi oleh keupayaan Jabatan Perhutanan Negeri sebagai penyelaras dan juga pelbagai agensi pelaksana dari aspek kemahiran, kepakaran serta tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan setiap strategi dan tindakan yang dicadangkan dapat dilaksanakan mengikut fasa pelaksanaan. Selain agensi-agensi kerajaan sebagai pelaksana, terdapat pelbagai pihak berkepentingan lain yang turut memainkan peranan penting dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Rangkaian Ekologi CFS seperti institusi pendidikan tinggi, institusi penyelidikan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO), *Government Linked Company* (GLC), pihak swasta dan komuniti tempatan; yang perlu diperkasakan dalam pengurusan CFS.


Tindakan 4.1a

Mengukuhkan Struktur Organisasi dan Peranan Jabatan Perhutanan Negeri Sebagai Penyelaras di Peringkat Negeri

T4.1a PENGENALAN

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) memainkan peranan penting sebagai penyelaras semua agensi pelaksana utama dan sokongan yang terlibat dalam pengurusan CFS amnya dan pelaksanaan pelan induk ini khususnya. Oleh yang demikian, terdapat keperluan bagi meningkatkan keupayaan JPN dari aspek struktur organisasi serta sumber bagi menjalankan skop tugas-tugas tambahan yang dipertanggungjawabkan kepada JPN sebagai penyelaras pelan induk ini di peringkat Negeri.

Rajah 5.1: Struktur Pentadbiran dan Pengurusan CFS



Jadual 5.1: Ringkasan Peranan Agensi Pelaksana Dan Punca Kuasa

| Peringkat | Organisasi / Agensi Pelaksana | Peranan | Punca Kuasa |
|-------------|---|---|---|
| Persekutuan | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Malaysia (KeTSA) | Memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal, latihan serta menjalankan penyelidikan. | - |
| | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) | Menggubal dasar, memberi nasihat dan khidmat teknikal kepada Jabatan Perhutanan Negeri. | Akta 313 |
| | Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia | Bertanggungjawab dalam konservasi habitat dan spesies fauna liar negara. | Akta 716 |
| | PLANMalaysia Semenanjung Malaysia | Memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal, latihan serta menjalankan penyelidikan, kemaskini perubahan guna tanah semasa. | Akta 172 |
| | Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) | Mentadbir dan menyelaraskan pengurusan tanah negara. | KTN 1965 |
| Negeri | Pihak Berkuasa Negeri (PBN) | Membentuk atau menerima sesuatu undang-undang dan peraturan hutan bagi mentadbir, mengurus dan membangunkan sumber hutan. | Perlembagaan Persekutuan Akta 56 Akta 313 |
| | Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) | Mentadbir dan mengawal pengusahasilan hutan, kutipan hasil hutan, pembangunan sumber hutan negeri serta penguatkuasaan undang-undang perhutanan. | Akta 313 |
| | Jabatan PERHILITAN Negeri | Bertanggungjawab dalam konservasi habitat dan spesies fauna liar negara termasuklah menjalankan penyelidikan dan penguatkuasaan. | Akta 716 |
| | Pejabat Tanah dan Galian (PTG) | Mentadbir tanah negeri seperti menyelaraskan permohonan tanah, mengutip cukai dan hasil tanah serta mengambil tindakan penguatkuasaan. | KTN 1965 |
| | PLANMalaysia@Negeri | Memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal, latihan serta menjalankan penyelidikan. | Akta 172 |
| Tempatan | Pejabat Daerah dan Tanah / Pejabat Tanah Daerah / Pejabat Tanah dan Jajahan | Mentadbir tanah di peringkat daerah seperti menyelaraskan permohonan tanah, mengutip cukai dan hasil tanah serta mengambil tindakan penguatkuasaan. | KTN 1965 |
| | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Mengatur, mengawal dan merancang pemajuan serta penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasan tadbirannya. | Akta 171 Akta 172 |

T4.1a PENEMUAN UTAMA

Kelemahan dalam struktur organisasi Jabatan Perhutanan Negeri sebagai penyelaras

- i. Tiada seksyen / bahagian khas ditubuhkan dalam struktur organisasi Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) sebagai penyelaras bagi menumpukan pelaksanaan dan pemantauan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS secara khusus.
- ii. Terdapat ketidakseimbangan jumlah tenaga kerja di Jabatan Perhutanan Negeri berdasarkan penilaian nisbah tenaga kerja dan keluasan tanah berhutan (**Jadual 5.2**).
- iii. Jumlah tenaga kerja yang terhad di beberapa JPN seperti Kelantan, Pahang dan Perak juga menjejaskan keupayaan agensi-agensi tersebut dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Jadual 5.2 : Nisbah Tenaga Kerja JPSM Dan Keluasan Tanah Berhutan Mengikut Negeri, 2019

| Negeri | Keluasan Negeri (ha) | Tanah Berhutan | | *Jumlah Tenaga Kerja | Nisbah |
|-----------------|----------------------|----------------|-------|----------------------|-----------|
| | | Keluasan (ha) | % | | |
| Kelantan | 1,510,462 | 810,415 | 53.65 | 307 | 1 : 2,640 |
| Terengganu | 1,297,400 | 651,248 | 50.20 | 544 | 1 : 1197 |
| Pahang | 3,596,500 | 2,056,695 | 57.19 | 1,086 | 1 : 1894 |
| Perak | 2,103,800 | 1,013,479 | 48.17 | 713 | 1 : 1421 |
| Kedah | 942,500 | 342,431 | 36.33 | 343 | 1 : 998 |
| Johor | 1,916,600 | 447,753 | 23.36 | 350 | 1 : 1279 |
| Selangor | 793,020 | 251,489 | 31.71 | 400 | 1 : 629 |
| Negeri Sembilan | 665,709 | 157,964 | 23.73 | 249 | 1 : 634 |

Sumber : Perangkaan Perhutanan Semenanjung Malaysia (2019), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia*

T4.1a INISIATIF PELAKSANAAN

| Cadangan Inisiatif Pelaksanaan | Agensi Terlibat | | Fasa Pelaksanaan | | |
|--|---|--------------------|------------------|---|---|
| | Pelaksana Utama | Pelaksana Sokongan | 1 | 2 | 3 |
| 1. Menubuhkan Seksyen <i>Central Forest Spine</i> dalam Jabatan Perhutanan Negeri di lapan negeri yang terlibat. | i. KeTSA ii. JPSM iii. BPEN / UPEN | JPN | √ | | |
| 2. Meningkatkan kecekapan Jabatan Perhutanan Negeri melalui pembangunan kapasiti yang berterusan dan penyediaan keperluan logistik yang mencukupi. | i. KeTSA ii. JPSM iii. BPEN / iv. UPEN | JPN | √ | √ | √ |

Nota: **Fasa 1** (2022-2030) **Fasa 2** (2031-2035) **Fasa 3** (2036-2040)

Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera


Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

**Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1:
Menubuhkan Seksyen CFS dalam JPN di Lapan (8) Negeri yang Terlibat**

- i. Cadangan untuk menubuhkan Seksyen CFS dalam JPN di lapan negeri yang terlibat bagi memantapkan lagi keupayaannya sebagai agensi pelaksana utama dan juga penyelaras dalam pelaksanaan pelan induk ini.
- ii. Dengan adanya seksyen khusus CFS ini, trend pembangunan dalam kawasan CFS boleh dipantau secara berkala, penguatkuasaan aktiviti perhutanan boleh diperkukuhkan, program promosi dan peningkatan kesedaran serta Pelan Tindakan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi CFS Negeri boleh disediakan dan dilaksanakan dengan lebih efektif.
- iii. Seksyen CFS memainkan peranan penting dalam menyelaras aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS serta penguatkuasaan dalam kawasan CFS yang melibatkan pelbagai agensi.

CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI DALAM SEKSYEN CFS



Keempat-empat peranan ini perlu diambil kira dan dijadikan sebagai asas dalam merangka struktur organisasi Seksyen CFS.

PERANAN SEKSYEN *CENTRAL FOREST SPINE*

| | |
|---|--|
| <p>PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMBANGUNAN</p> | <p>Menyediakan Pelan Tindakan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi CFS Negeri sebagai rujukan di peringkat negeri.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mengesahkan maklumat sebenar di lapangan. ii. Membuat inventori perkhidmatan ekosistem setiap Rangkaian Ekologi . iii. Memperincikan cadangan dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS mengikut kesesuaian. iv. Memantau trend pembangunan dalam kawasan CFS dengan mengumpulkan maklumat permohonan Kebenaran Merancang (KM) daripada PBT. v. Memberi khidmat nasihat / ulasan bagi permohonan pembangunan tanah dan KM dalam kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi . |
| <p>PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN</p> | <ol style="list-style-type: none"> i. Membincangkan isu-isu berhubung pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS. ii. Memantau tahap kemajuan pelaksanaan projek / program di lapangan mengikut keutamaan dan fasa pelaksanaan. iii. Mendapatkan sumber peruntukan bagi pelaksanaan strategi-strategi yang dicadangkan dalam pelan induk ini. |
| <p>KOMUNIKASI DAN KERJASAMA STRATEGIK</p> | <ol style="list-style-type: none"> i. Bekerjasama dengan PLANMalaysia@Negeri dalam mempromosi dan memberi kefahaman kepada agensi-agensi teknikal akan garis panduan dan strategi-strategi yang terkandung dalam pelan induk ini. ii. Memberikan penerangan dan taklimat secara berkala kepada agensi-agensi teknikal bagi menambah baik pengurusan dalam kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi . iii. Menyelaras kerjasama strategik serta perkongsian maklumat dan pengetahuan antara agensi kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan lain. iv. Menyelaras aktiviti promosi dan program-program kesedaran awam. |
| <p>PENGUATKUASAAN</p> | <p>Menyelaras penguatkuasaan yang dijalankan pelbagai agensi bagi menangani isu-isu dalam kawasan CFS seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pencerobohan tanah ii. Pembalakan haram iii. Pemburuan hidupan liar tanpa lesen iv. Pembuangan sisa tercemar dalam badan air v. <i>Biopiracy</i> sumber hutan* vi. Lain-lain kesalahan tertakluk peruntukan undang-undang. |

*Nota : *Biopiracy* sumber hutan adalah mengambil dan membangunkan tanpa persetujuan atau kebenaran, bayaran pampasan dan pengiktirafan bagi mendapatkan keuntungan daripada pemilik asalnya (Dasar Perhutanan Malaysia, 2021).

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 2: Meningkatkan Kecekapan Jabatan Perhutanan Negeri Melalui Pembangunan Kapasiti yang Berterusan dan Penyediaan Keperluan Logistik Yang Mencukupi

- i. Memperuntukkan sumber yang mencukupi (sumber tenaga manusia, peralatan dan kewangan) bagi meningkatkan keupayaan Jabatan Perhutanan Negeri terutama dalam aspek pemantauan dan penguatkuasaan.
- ii. Pertambahan jumlah tenaga kerja dicadangkan di JPN Kelantan, Pahang dan Perak memandangkan negeri-negeri tersebut mempunyai keluasan tanah berhutannya yang besar di mana sumber hutan merupakan antara penyumbang utama hasil / pendapatan negeri.
- iii. Penambahan tenaga kerja ini melibatkan jabatan / bahagian yang terlibat dalam bidang kepakaran berkaitan perhutanan dan juga penguatkuasaan.
- iv. Melengkapkan pasukan atau unit penguatkuasaan dengan alat-alat kemudahan seiring dengan kemajuan teknologi dan pengetahuan.
- v. Mempergiat program latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan terutamanya berkaitan perhutanan dan juga penguatkuasaan.

T4.1a KAWASAN TERLIBAT DENGAN PELAKSANAAN

8 negeri yang terlibat dengan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 dan semua kawasan CFS di Semenanjung Malaysia.

T4.1a PEMANTAUAN

| Indikator Pemantauan Pelaksanaan | Agensi Pemantau |
|---|-----------------|
| i. Jumlah JPN yang menubuhkan Seksyen CFS. ii. Jumlah penambahan tenaga kerja JPN. iii. Peningkatan prestasi KPI JPN. | JPSM |

Tindakan
4.1b

Meningkatkan Koordinasi dan Keterangkuman Semua Pihak Berkepentingan dalam Pengurusan CFS

T4.1b PENGENALAN

Bagi memastikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek-projek dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS dapat diselaraskan dan diuruskan secara berkesan, tiga jawatankuasa khas CFS telah diwujudkan. Jawatankuasa khas CFS ini juga menyediakan platform bagi setiap agensi pelaksana dan pelbagai pihak berkepentingan lain (**Jadual 5.3**) untuk berkolaborasi dalam memantau serta mengawal pembangunan dalam kawasan CFS.

Rajah 5.2: Jawatankuasa Khas CFS



Jadual 5.3 : Pihak Berkepentingan Dalam Pengurusan CFS Mengikut Kategori

| Pihak Berkepentingan | Kumpulan / Organisasi yang Terlibat |
|---|---|
| Pihak Kerajaan | i. Jabatan / Agensi Kerajaan ii. Institusi Pendidikan iii. Institusi Penyelidikan |
| Pihak Swasta | Pengusaha komersial sama ada individu atau syarikat dan berorientasikan kepada keuntungan (syarikat persendirian, perbadanan, GLC, perbankan dan lain-lain). |
| Masyarakat Awam* (civil society) | i. Badan Bukan Kerajaan (NGO) ii. Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) iii. Pertubuhan kebajikan iv. Pertubuhan professional v. Kumpulan komuniti tempatan vi. Kumpulan Orang Asli (<i>indigenous groups</i>) vii. Kesatuan pekerja viii. Persatuan wanita ix. Lain-lain (sebagaimana definisi WHO*) |

* Nota : Masyarakat awam (civil society) secara amnya adalah pihak berkepentingan selain kerajaan dan swasta yang merujuk kepada kumpulan atau organisasi yang bertindak secara kolektif berdasarkan kepentingan, tujuan dan nilai yang dikongsi bersama (Sumber : Laman web rasmi WHO, 2020)

T4.1b PENEMUAN UTAMA

i. Kelemahan pelaksanaan Jawatankuasa Khas CFS

- Ke kerap an mesyuarat jawatankuasa JKTNP-CFS yang dijalankan adalah kurang daripada jumlah yang ditetapkan.
- Sebarang cadangan pembangunan yang baru dalam kawasan CFS seharusnya dibincangkan terlebih dahulu dalam JKTNP-CFS sebagai platform untuk memantau dan mengawal pembangunan.
- Walau bagaimanapun, prosedur ini tidak diaplikasikan memandangkan mesyuarat jawatankuasa jarang diadakan iaitu hanya satu kali atau tidak diadakan langsung (kecuali Negeri Perak) bagi setiap tahun (**Jadual 5.4**).


Jadual 5.4 : Pelaksanaan Mesyuarat JKTNP-CFS Di Peringkat Negeri Tahun 2012 Hingga 2018

| Negeri | Kekerapan Mesyuarat (Tahun) | | | | | | |
|-----------------|-----------------------------|------|------|------|------|------|------|
| | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| Kelantan | 1 | 0 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 |
| Terengganu | 1 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Pahang | 1 | 2 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 |
| Perak | 2 | 2 | 2 | 2 | 0 | 0 | 2 |
| Kedah | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Johor | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| Selangor | 0 | 1 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 |
| Negeri Sembilan | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 |

Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2019.

ii. Keperluan memperkasa pihak swasta dan masyarakat awam dalam pengurusan CFS

Penilaian semasa mendapati terdapat 23 NGO / CSO (**Rajah 5.3** dan **Jadual 5.5**) yang aktif dalam pemeliharaan biodiversiti di dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS meliputi perhutanan, akuatik dan hidupan liar yang boleh dilibatkan dalam pengurusan CFS yang akan bekerjasama rapat dengan agensi-agensinya pelaksana. Kerjasama antara pihak kerajaan dan juga masyarakat awam secara bersepadu akan meningkatkan kesedaran serta mendorong lebih banyak sokongan berbentuk sumbangan kewangan dan perkongsian maklumat dalam membantu usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Rangkaian Ekologi CFS.



RAJAH 5.3: PENGLIBATAN NGO / CSO DALAM RANGKAIAN EKOLOGI CFS

SKALA
1:2,700,000

Sumber : BMGN, PLANMalaysia, 2018 & Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS, 2019

Jadual 5.5 : Senarai dan Peranan Non-Government Organisation (NGO) / Civil Society Organisation (CSO)

| NGO / CSO | Pemeliharaan Biodiversiti | | | Program Kesedaran |
|---|---------------------------|--------------|---------|-------------------|
| | Hutan | Hidupan Liar | Akuatik | |
| WWF – Malaysia | √ | √ | √ | √ |
| <i>Malaysian Nature Society</i> (MNS) | √ | √ | √ | √ |
| <i>Wild Asia</i> | √ | √ | √ | √ |
| <i>Institute of Foresters Malaysia</i> | √ | | | √ |
| Sahabat Alam Malaysia (SAM) | √ | √ | √ | √ |
| Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) | | | | √ |
| TRAFFIC – <i>Southeast Asia</i> | | √ | | √ |
| Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) | √ | √ | √ | √ |
| Pelindung Alam Malaysia | √ | √ | | √ |
| <i>Global Environment Centre</i> | √ | √ | √ | √ |
| <i>Environmental Protection Society Malaysia</i> (EPSM) | | | | √ |
| <i>Wetlands International Malaysia</i> | | | √ | √ |
| <i>Regional Environmental Awareness Cameron Highlands</i> (REACH) | √ | | √ | √ |
| <i>Pulau Banding Foundation</i> | √ | | | √ |
| <i>Malaysian Conservation Alliance for Tigers</i> (MYCAT) | √ | √ | | √ |
| Persatuan Pelindung Harimau Malaysia (RIMAU) | √ | √ | | √ |
| RIMBA | √ | √ | | √ |
| <i>Management & Ecology of Malaysian Elephants</i> (MEME) | | √ | | √ |
| <i>Tropical Rainforest Conservation & Research Centre</i> (TRCRC) | √ | | | √ |
| <i>Treat Every Environment Special Sdn. Bhd.</i> (TrEES) | | | | √ |
| Yayasan Hasanah | √ | √ | √ | √ |
| Yayasan Sime Darby | √ | √ | √ | √ |
| Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA) | | | | √ |

iii. Kelemahan agensi pelaksana utama dalam pemantauan dan penguatkuasaan dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS

Kekurangan tenaga kerja serta kelengkapan bagi menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala dan menyeluruh menyebabkan pelbagai isu berlaku dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS, seperti pembalakan haram, pencerobohan tanah, pemburuan haram dan pembakaran hutan (sebagaimana dilaporkan dalam Laporan Penemuan I dan Laporan Penemuan II, Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS) yang menjejaskan keseimbangan biodiversiti hutan.

iv. Penyediaan Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan Rangkaian Ekologi CFS Negeri adalah tidak menyeluruh

- Bagi memperkukuh mekanisme pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS, strategi dan tindakan pelan induk ini perlu diterjemahkan dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan Rangkaian Ekologi CFS Negeri sebagai panduan dan rujukan dalam merencanakan pelaksanaan pelan induk di peringkat negeri dengan lebih terperinci.
- Berdasarkan tahap pencapaian Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (2010), penyediaan pelan tindakan ini adalah tidak menyeluruh. Hanya tiga negeri sahaja yang telah menyediakan pelan tindakan di peringkat negeri iaitu *Selangor, Negeri Sembilan dan Perak.
- Negeri Selangor dan Perak telah bekerjasama dengan FRIM dalam menyediakan Pelan Tindakan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi CFS.

**Nota : Negeri Selangor telah menyediakan Rancangan Pengurusan CFS Negeri Selangor 2020-2029 sebagai inisiatif utama dalam melaksanakan program CFS di Negeri Selangor.*

T4.1b INISIATIF PELAKSANAAN

| Cadangan Inisiatif Pelaksanaan | Agensi Terlibat | | Fasa Pelaksanaan | | |
|---|--|---|------------------|---|---|
| | Pelaksana Utama | Pelaksana Sokongan | 1 | 2 | 3 |
| 1. Memperkukuhkan fungsi serta pelaksanaan jawatankuasa khas CFS di peringkat negeri. | i. KeTSA ii. BPEN / UPEN iii. JPMS iv. JPN | i. Jabatan PERHILITAN ii. PLANMalaysia iii. PTG iv. PDT/PTD/PTJ v. PBT vi. NGO / CSO | √ | | |
| 2. Membentuk <i>Taskforce</i> CFS Negeri bagi memudahkan penyelarasan kerja di peringkat negeri serta penguatkuasaan yang bersepadu dalam kawasan CFS. | BPEN / UPEN | Semua pihak berkepentingan dalam <i>Taskforce</i> CFS Negeri | √ | | |
| 3. Memperkukuh jalinan kerjasama pintar antara agensi kerajaan dengan pelbagai pihak berkepentingan lain dalam menjalankan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R,D,C&I) secara bersepadu. | i. JPMS ii. JPN iii. Jabatan PERHILITAN | i. Institusi Penyelidikan ii. Institusi Pendidikan iii. NGO / CSO iv. GLC | √ | √ | √ |
| 4. Memperkasakan penglibatan pihak swasta dan masyarakat awam dalam pengurusan CFS. | i. JPMS ii. JPN iii. Jabatan PERHILITAN | i. Pihak swasta ii. GLC iii. NGO / CSO iv. Komuniti tempatan | √ | √ | √ |
| 5. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penguatkuasaan secara bersepadu. | i. JPMS ii. JPN iii. PTG iv. Jabatan PERHILITAN | i. PDT / PTD / PTJ ii. PBT iii. JPS iv. ATM v. PDRM | √ | √ | √ |
| 6. Memastikan kesemua 8 negeri yang terlibat menyediakan Pelan Tindakan Pemeliharaan CFS Negeri. | i. PLANMalaysia @Negeri ii. JPMS | <i>Taskforce</i> CFS Negeri (dilantik daripada agensi / jabatan dan NGO berkaitan) | √ | | |

Nota: **Fasa 1** (2022-2030) **Fasa 2** (2031-2035) **Fasa 3** (2036-2040)

Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1: Memperkukuhkan Fungsi serta Pelaksanaan Jawatankuasa Khas CFS di Peringkat Negeri

- i. Bagi memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Negeri Pelaksanaan CFS (JKTNP-CFS) dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan, setiap negeri perlu membuat pelaporan berkaitan pelaksanaan CFS di peringkat yang lebih tinggi seperti di **Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)** atau **Majlis Tanah Negara (MTN)**.
- ii. Fungsi JKTNP-CFS perlu diperkukuhkan sebagai platform untuk menyelaraskan pelaksanaan strategi dan tindakan yang dicadangkan dalam pelan induk ini secara bersepadu dan juga sebagai platform untuk setiap agensi memaklumkan aktiviti pembangunan yang akan dijalankan dalam kawasan CFS (**Rajah 5.4**).
- iii. PBT yang menerima permohonan Kebenaran Merancang (KM) dalam kawasan CFS perlu membentangkan dalam mesyuarat JKTNP-CFS bagi mendapatkan ulasan sama ada menyokong, membantah atau mengenakan syarat tambahan untuk kelulusan.
- iv. Lain-lain cadangan aktiviti / pembangunan baru dalam kawasan CFS yang tidak memerlukan kelulusan KM namun memberikan impak kepada ekosistem hutan seperti pertanian berskala besar, pemberian lesen pembalakan juga perlu dibentangkan oleh agensi pelaksana yang berkaitan dalam mesyuarat JKTNP-CFS dan mendapat sokongan sebelum dibenarkan. Hal ini penting bagi mengelakkan implikasi negatif seperti konflik manusia-hidupan liar di peringkat awal lagi.
- v. Laporan guna tanah semasa oleh agensi yang berkaitan juga perlu dibentangkan dalam jawatankuasa ini bagi memantau perubahan guna tanah dalam kawasan CFS.

Rajah 5.4: Perincian Jawatankuasa Kerja Teknikal Negeri Pelaksanaan CFS

FUNGSI

- Jabatan Perhutanan Negeri sebagai penyelaras akan memaklumkan status pelaksanaan semasa Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS di lapangan.
- Agensi pelaksana berkaitan akan membentangkan laporan guna tanah semasa, isu serta ancaman dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS.
- Meneliti permohonan Kebenaran Merancang (KM) dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS dan memberikan ulasan bagi menyokong, membantah atau mengenakan syarat tambahan untuk kelulusan.
- Kerajaan Negeri mewartakan Hutan Tanah Kerajaan (HTK) sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK), Rizab Hidupan Liar (RHL) dan Kawasan Perlindungan Hidupan Liar (KPHL).
- Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kewangan tahunan yang mencukupi untuk merealisasikan Rangkaian Ekologi .
- Sokongan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dengan menyediakan bantuan teknikal dan kewangan bagi melaksanakan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS.

KEAHLIAN JAWATANKUASA

PENGERUSI : Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pengarah Bahagian / Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN / UPEN)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

1. Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) atau Pengarah Bahagian/Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN / UPEN)
2. Wakil Jabatan Perhutanan Negeri
3. Wakil Pejabat Pentadbir Tanah Negeri/Daerah (PTN/D)
4. Wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
5. Wakil Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
6. Wakil Jabatan Pertanian
7. Wakil PLANMalaysia (Jabatan Perancang Bandar dan Desa)
8. Wakil Perbadanan Taman Negeri
9. Wakil Jabatan Kerja Raya (JKR)
10. Wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS)
11. Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
12. Wakil Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG)
13. Wakil Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
14. Wakil daripada agensi-agensi pelaksana lain yang berkaitan dengan Rangkaian Ekologi CFS di negeri masing-masing (cth: institusi pendidikan, institusi penyelidikan, FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain)
15. Wakil masyarakat awam yang akan dijemput mengikut keperluan

URUSETIA

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN)

KEKERAPAN MESYUARAT

Sekurang-kurangnya **DUA (2) kali setahun**, atau mengikut keperluan

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 2: Membentuk *Taskforce* CFS Negeri bagi Memudahkan Penyelarasan Kerja di Peringkat Negeri serta Penguatkuasaan yang Bersepadu dalam Kawasan CFS

- i. *Taskforce* CFS Negeri yang terdiri daripada pelbagai agensi pelaksana utama dan sokongan dicadangkan untuk dibentuk bagi memudahkan penyelarasan kerja di peringkat negeri (**Rajah 5.5**).
- ii. *Taskforce* ini akan bekerjasama sebagai satu pasukan bertindak yang lengkap di mana sebarang urusan melibatkan Rangkaian Ekologi CFS boleh diselesaikan secara bersama dengan pantas.
- iii. Keanggotaan dalam *taskforce* ini adalah terdiri daripada kakitangan Seksyen *Central Forest Spine*, JPN serta kakitangan khusus yang dilantik dalam setiap agensi pelaksana sebagai *person-in-charge* (PIC).
- iv. Anggota-anggota dalam *taskforce* ini boleh beroperasi dalam pejabat agensi masing-masing atau ditempatkan di Bahagian / Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN / UPEN) sebagai sebuah unit khas (bergantung kepada keperluan negeri) bagi memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif dalam pelan induk ini dapat diuruskan dengan lebih efisien. Bersama-sama PIC daripada BPEN / UPEN, unit khas ini juga memainkan peranan penting sebagai penasihat bagi meningkatkan komitmen negeri untuk memelihara dan memulihara kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi.
- v. Penubuhan *Taskforce* CFS Negeri penting bagi menyokong peranan JKTNP-CFS iaitu membincangkan cadangan pembangunan baru dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS memandangkan prosedur ini sukar diaplikasikan dalam JKTNP-CFS disebabkan kekangan tertentu.
- vi. Hanya cadangan pembangunan baru yang berskala besar serta berisiko seperti penyahwartaan HSK akan dibincangkan di peringkat JKTNP-CFS.
- vii. Membangunkan Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi membolehkan prestasi *taskforce* ini dipantau secara berkala dan tindakan penambahbaikan boleh dilaksanakan dengan segera. Antara KPI yang boleh ditetapkan adalah seperti jenayah hutan (pembalakan haram dan pencerobohan HSK), pensijilan pengurusan hutan, aduan orang awam dan lain-lain yang melibatkan pengurusan dalam kawasan CFS.

Rajah 5.5: Perincian Cadangan *Taskforce* CFS Negeri

| FUNGSI | | |
|--|--|--|
| PERANCANGAN | PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN | PENGUATKUASAAN |
| <p>Menyediakan Pelan Tindakan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi CFS Negeri sebagai rujukan di peringkat negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengesahkan dan memuktamadkan status sebenar di lapangan • Membuat inventori perkhidmatan ekosistem setiap Rangkaian Ekologi • Memperincikan tindakan dan inisiatif • Menyediakan model kewangan • Menyediakan pelan promosi | <ul style="list-style-type: none"> • Membincangkan isu-isu berhubung pelaksanaan CFS. • Memantau tahap kemajuan pelaksanaan projek / program di lapangan. • Mengulas permohonan KM (pembangunan berskala kecil) dan memantau trend pembangunan dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS. | <p>Menjalankan penguatkuasaan aktiviti-aktiviti haram dalam kawasan Rangkaian Ekologi seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pencerobohan tanah • Pembalakan haram • Pemburuan hidupan liar tanpa lesen • Pembuangan sisa tercemar dalam badan air • Lain-lain kesalahan tertakluk peruntukan undang-undang |

KEANGGOTAAN

AGENSI PELAKSANA UTAMA

1. Bahagian / Unit Perancang Ekonomi Negeri
2. Seksyen CFS, JPN - Penyelaras
3. Jabatan PERHILITAN Negeri
4. PLANMalaysia@Negeri
5. PTG
6. PDT/PTD/PTJ
7. PBT

MASYARAKAT AWAM

- Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- Pertubuhan Masyarakat Sipil (CSO)
- Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)
- Wakil komuniti tempatan

AGENSI PELAKSANA SOKONGAN

1. Jabatan Alam Sekitar
2. Jabatan Pengairan dan Saliran
3. Jabatan Mineral dan Geosains
4. Jabatan Kerja Raya
5. Jabatan Perikanan
6. Jabatan Pertanian
7. Pejabat MOTAC Negeri
8. Jabatan Kemajuan Orang Asli
9. Institusi Pengajian Tinggi
10. Institusi Penyelidikan

*Setiap agensi pelaksana digalakkan melantik sekurang-kurangnya 2 kakitangan khusus sebagai *person-in-charge* (PIC) dalam *taskforce* ini yang akan bertanggungjawab dalam pengurusan CFS.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 3: Memperkukuh Jalinan Kerjasama Pintar Antara Agensi Kerajaan dengan Pelbagai Pihak Berkepentingan Lain dalam Menjalankan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R,D,C&I) Secara Bersepadu

- i. Memperkasakan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan, inovasi dan penggunaan *Information and Communications Technology* (ICT) terkini bagi meningkatkan pengetahuan dan dokumentasi saintifik kepelbagaian biologi hutan dalam kawasan CFS.
- ii. Meningkatkan perkongsian pintar antara agensi kerajaan dengan pelbagai pihak berkepentingan lain dalam menjalankan R,D,C&I secara bersepadu bagi mencapai matlamat pengurusan hutan secara berkekalan.
- iii. Selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia 2021, penggunaan Data Raya (*Big Data*) boleh diaplikasikan sebagai pusat penyimpanan maklumat dan hasil penemuan penyelidikan yang dijalankan seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Peningkatan keupayaan pangkalan data kepelbagaian biologi akan membolehkan maklumat yang diperoleh diuruskan dengan cekap dan dapat dikongsi bersama oleh pelbagai pihak berkepentingan.
- iv. Maklumat dalam Data Raya ini boleh dikongsi dan diakses oleh pihak berkepentingan lain bagi tujuan menambah baik pengurusan hutan dengan lebih mampan serta pengkomersialan sumber kekayaan biodiversiti dengan lebih mampan.
- v. Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795] yang telah dikuatkuasakan pada 18 Disember 2020 membolehkan kerajaan negeri menjana kekayaan baharu daripada sumber hutan yang berpotensi dan bernilai tinggi terutamanya dalam bidang perubatan dan farmaseutikal.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 4: Memperkasakan Penglibatan Pihak Swasta dan Masyarakat Awam dalam Pengurusan CFS

- i. Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti kawasan Rangkaian Ekologi CFS melalui *Public-Private Partnerships* (PPP), *Corporate Social Responsibility* (CSR), kerjasama pintar dan lain-lain.
- ii. Mengiktiraf usaha NGO dan CSO yang aktif dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti dengan melibatkan mereka dalam jawatankuasa khas CFS. Kerjasama bersama badan NGO seperti WWF dan NGO pencinta alam sekitar perlu digerakkan agar dana sumbangan untuk tabung CFS dapat digerakkan dan program-program kesedaran pemeliharaan hutan dan masyarakat dapat mengurangkan konflik antara manusia dan hidupan liar.
- iii. Melibatkan komuniti tempatan dan Orang Asli yang mendiami kawasan CFS dalam pengurusan CFS secara menyeluruh dari peringkat perancangan, pembangunan sehingga penguatkuasaan.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 5: Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penguatkuasaan Secara Bersepadu

- i. Memperkukuh penguatkuasaan dalam kawasan CFS melalui kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan dalam *Taskforce* CFS Negeri yang turut melibatkan masyarakat awam seperti NGO dan Orang Asli bagi membantu usaha-usaha pemantauan dan kawalan pelanggaran undang-undang hutan.
- ii. Meningkatkan perkongsian maklumat antara agensi penguatkuasaan termasuklah NGO bagi memantapkan penguatkuasaan undang-undang hutan.
- iii. Meningkatkan kerjasama strategik antara *Taskforce* CFS Negeri dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam Operasi Bersepadu bagi membanteras penjenayah hutan dengan lebih efektif. ATM dan PDRM mempunyai kemahiran taktikal dan peralatan yang lengkap bagi menumpaskan jenayah hutan yang semakin agresif. Individu yang melakukan kesalahan hutan boleh dikenakan hukuman iaitu denda dan penjara berdasarkan Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993).
- iv. Menambah peralatan berteknologi terkini dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan hutan terutamanya di kawasan *hotspot* jenayah hutan dalam Rangkaian Ekologi CFS. Antara peralatan dan kaedah pemantauan yang terkini digunakan di Malaysia adalah seperti berikut:
 - a. Sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus 5* (FMRS+5) bagi mengesan perubahan litupan kawasan hutan. Sistem ini disokong dengan penggunaan dron yang memberi gambaran kawasan secara *real time*, *Geographical Information System* (GIS) dan *Global Positioning System* (GPS).
 - b. *Continuous Monitoring of Surveillance* (COMOS) yang dibangunkan oleh Jabatan Hutan Sarawak untuk membekalkan maklumat risikan yang lebih cepat dan tepat mengenai kemungkinan berlaku pembalakan haram di sesuatu kawasan.
 - c. Perangkap kamera *Multimedia Messaging Service* (MMS) di pintu-pintu masuk kawasan *hotspot* pemburuan haram bagi mendapatkan maklumat kemasukan pemburu haram ke kawasan berkenaan. Imej *real time* pemburu haram akan dihantar terus ke telefon bimbit sekiranya pemburu melalui perangkap kamera MMS tersebut.

Sumber : Laman web rasmi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, 2020

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 6:**Memastikan Kesemua Lapan (8) negeri yang Terlibat Menyediakan Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri**

- i. Memastikan semua pihak berkepentingan di setiap negeri mempunyai kefahaman yang jelas mengenai kepentingan pemeliharaan kawasan CFS serta berganding bahu dalam menyediakan Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri yang komprehensif.
- ii. Melibatkan *Taskforce* CFS Negeri termasuklah NGO dan agensi / jabatan kerajaan lain yang berpengetahuan luas untuk sama-sama menyediakan Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri. Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan PERHILITAN Negeri sebagai jabatan teknikal utama yang memberikan input untuk penyediaan pelan tindakan ini.
- iii. Memberikan panduan kepada agensi pelaksana di peringkat negeri untuk menjalankan usaha pemeliharaan Rangkaian Ekologi CFS dalam negeri masing-masing dengan efisien.
- iv. Strategi, tindakan dan inisiatif yang dicadangkan dalam pelan ini perlu diterjemahkan dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri di mana pelan tindakan ini akan menjadi rujukan utama di peringkat negeri kerana lebih terperinci dan tepat mengikut maklumat sebenar di lapangan.

KANDUNGAN PELAN TINDAKAN PEMELIHARAAN DAN PENGURUSAN CFS NEGERI

- a) Latar belakang Rangkaian Ekologi CFS di Semenanjung Malaysia dan Negeri terlibat (matlamat / objektif / peta kawasan CFS / isu berkaitan, dll).
- b) Kepentingan pemeliharaan Rangkaian Ekologi CFS.
- c) Dasar-dasar di peringkat antarabangsa, kebangsaan, Negeri dan tempatan yang berkaitan dengan pelaksanaan CFS (SDGs, RFN, RT, RKK dan lain-lain).
- d) Keadaan guna tanah semasa dalam Rangkaian Ekologi CFS (kawasan HSK, ladang hutan, tepu bina, dll).
- e) Inventori dan maklumat asas spesies hidupan liar dan tumbuhan dalam Rangkaian Ekologi CFS.
- f) Membuat inventori perkhidmatan ekosistem setiap Rangkaian Ekologi .
- g) Merangka proses dan prosedur bagi mengawal pembangunan dalam kawasan CFS.
- h) Garis panduan dan strategi / program pelan tindakan yang terperinci yang akan dilaksanakan dalam Rangkaian Ekologi CFS.
- i) Model kewangan bagi melaksanakan setiap tindakan dan inisiatif (sumber pembiayaan, mekanisme *co-financing*).
- j) Pelan promosi CFS.
- k) Pelan Pelaksanaan Program *Communication, Education, Participation and Awareness (CEPA)* CFS.
- l) Sasaran dan indikator pemantauan mengikut fasa pelaksanaan secara terperinci iaitu bersifat SMART (*Specific, Measurable, Applicable, Realistic, Time*).

- v. Tahap penyediaan Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri perlu dilaporkan dalam mesyuarat JKTNP-CFS bagi memastikan kesemua lapan (8) negeri yang terlibat menyediakan pelan tindakan ini.

T4.1b**KAWASAN TERLIBAT DENGAN PELAKSANAAN**

Lapan (8) negeri yang terlibat dengan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 dan semua kawasan CFS di Semenanjung Malaysia.

T4.1b**PEMANTAUAN**

| Indikator Pemantauan Pelaksanaan | Agensi Pemantau |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> i. Kekerapan mesyuarat JKTNP-CFS yang dijalankan di setiap negeri. ii. Pelaksanaan proses dan prosedur pembangunan dalam kawasan CFS yang lebih khusus dan sistematik. iii. Jalinan kerjasama pintar agensi kerajaan dengan institusi penyelidikan, institusi pendidikan, NGO / CSO dan lain-lain pihak berkepentingan. iv. Program dan projek yang melibatkan NGO dan CSO yang aktif dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti. v. Penglibatan sektor swasta dalam usaha pemeliharaan biodiversiti kawasan Rangkaian Ekologi CFS. vi. Penglibatan komuniti setempat dan Orang Asli dalam kerangka kerja khas CFS. vii. Operasi Bersepadu antara Taskforce CFS Negeri dengan ATM dan PDRM. viii. Penyediaan Pelan Tindakan Pemeliharaan CFS Negeri di lapan negeri yang terlibat. | <ul style="list-style-type: none"> i. KeTSA ii. JPSPM iii. BPEN / UPEN |



STRATEGI 4.2 : PENYEDIAAN PERUNTUKAN KEWANGAN YANG MENCUKUPI DAN BERTERUSAN

Selain struktur organisasi, peruntukan kewangan yang mencukupi mempengaruhi keupayaan kerajaan negeri serta agensi-agensi kerajaan untuk melaksanakan strategi dan tindakan yang dicadangkan dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS ini. Peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan memainkan peranan penting dalam memastikan Kerajaan Negeri dapat menerima pakai serta melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dicadangkan memandangkan terdapat negeri-negeri yang mempunyai kekangan sumber kewangan dan bergantung kepada sumber hutan sebagai hasil pendapatan utama. Selaras dengan pendekatan *smart governance*, pihak swasta, GLC dan NGO / CSO juga berpotensi menyumbang dalam pelaksanaan pelan induk ini sama ada dari segi pembiayaan kewangan atau bukan kewangan seperti bantuan teknikal, khidmat nasihat, sumber manusia dan lain-lain.

Tindakan
4.2a

Menyediakan Model Kewangan Pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS

T4.2a

PENGENALAN

Peruntukan kewangan yang mencukupi merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi tahap daya laksana pelan induk ini. Oleh yang demikian, sumber pembiayaan untuk melaksanakan tindakan dan inisiatif dalam pelan induk ini perlu dipelbagaikan dengan melihat potensi untuk pembiayaan bersama (*co-financing*) dengan pelbagai pihak berkepentingan lain seperti pihak swasta, GLC, NGO / CSO dan juga badan antarabangsa. Penyediaan model kewangan yang menyeluruh dan terperinci bagi melaksanakan pelan induk ini adalah penting bagi merancang dan mengurus pengagihan peruntukan kewangan serta mengenal pasti inisiatif-inisiatif yang sesuai untuk dilaksanakan dan dibiayai oleh pihak berkepentingan lain. Model kewangan ini akan disediakan dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri yang menjadi rujukan utama pelaksanaan pelan induk di peringkat negeri.

T4.2a PENEMUAN UTAMA

i. Peruntukan kewangan adalah terhad

Jumlah keseluruhan peruntukan sehingga tahun 2020 yang diterima melalui RMKe-10 dan RMKe-11 adalah **RM 95,653,686** iaitu hanya merangkumi **2%** daripada jumlah keseluruhan kos yang dianggarkan (**RM4,814,107,000**) bagi pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (2010). Peruntukan yang mencukupi adalah penting bagi menjayakan sebarang projek dan strategi yang telah dirangka terutamanya bagi negeri-negeri yang mempunyai dana yang rendah serta bergantung kepada sumber hutan sebagai sumber ekonomi seperti Negeri Kelantan dan Pahang.

Jadual 5.6: Peruntukan Pembangunan Melalui Rancangan Malaysia

| Fasa RMK | Tahun | Peruntukan Diterima (RM) |
|---------------------------|---------------|--------------------------|
| Fasa Pelaksanaan RMKe-10 | 2011 | 0.00 |
| | 2012 | 2,595,000.00 |
| | 2013 | 29,600,000.00 |
| | 2014 | 29,960,000.00 |
| | 2015 | 11,994,000.00 |
| | Jumlah | 74,149,000.00 |
| Fasa Pelaksanaan RMKe-11 | 2016 | 225.00 |
| | 2017 | 5,054,000.00 |
| | 2018 | 1,757,000.00 |
| | 2019 | 6,915,922.00 |
| | 2020 | 7,777,539.00 |
| | Jumlah | 21,504,686.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | 95,653,686.00 |

Sumber : BEASSA, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2021

Jadual 5.7: Dana Kerajaan Negeri bagi Tahun 2013 Hingga 2017

| Negeri | Lebihan / Defisit (-) (RM Juta) | | | | |
|-----------------|---------------------------------|------------|------------|------------|------------|
| | Tahun 2013 | Tahun 2014 | Tahun 2015 | Tahun 2016 | Tahun 2017 |
| Kelantan | 378.10 | 402.00 | 387.22 | 497.20 | 497.20 |
| Terengganu | 2,878.76 | 2,585.25 | 2,214.83 | 1,604.77 | 2,072.86 |
| Pahang | 611.05 | 534.70 | 773.33 | 615.07 | 535.79 |
| Perak | | | | 1,011.50 | 1,070.33 |
| Kedah | 518.43 | 506.48 | 411.05 | 601.63 | 633.07 |
| Johor | | | | 1,662.22 | 1,556.69 |
| Negeri Sembilan | 354.78 | 373.09 | 383.98 | 380.54 | 413.46 |
| Selangor | 2,149.97 | 2,225.08 | 2,527.69 | 2,499.66 | 2,810.10 |

Sumber : Laporan Ketua Audit Negara, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Tahun 2017 (8 negeri yang terlibat)

Nota : T.M. - Tiada Maklumat

- ii. Negeri Sembilan dan Kelantan mempunyai dana lebih rendah berbanding negeri-negeri lain iaitu kurang daripada RM 500 juta (**Jadual 5.7**).
- iii. Terdapat 3 negeri yang bergantung kepada sumber hutan sebagai penyumbang utama hasil iaitu Kelantan, Pahang dan Kedah (Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Tahun 2017 bagi 8 negeri yang terlibat).
- iv. Kebergantungan kepada sumber hutan meningkatkan risiko kepada penerokaan hutan, tukar guna tanah hutan kepada pertanian dan pembangunan tepu bina lain serta pelbagai ancaman lain.

T4.2a INISIATIF PELAKSANAAN

| Cadangan Inisiatif Pelaksanaan | Agensi Terlibat | | Fasa Pelaksanaan | | |
|---|--|--|------------------|---|---|
| | Pelaksana Utama | Pelaksana Sokongan | 1 | 2 | 3 |
| 1. Menganggarkan kos diperlukan bagi melaksanakan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS dengan tepat. | i. BPEN / UPEN ii. JPSM iii. JPN | i. PBN ii. Jabatan PERHILITAN iii. JPS iv. JAKOA v. Agensi Pembangunan Pelancongan Negeri | √ | | |
| 2. Mengenal pasti sumber dan kaedah pembiayaan. | i. BPEN / UPEN ii. JPSM iii. JPN | i. PBN ii. Taskforce CFS Negeri iii. Agensi Pembangunan Pelancongan Negeri iv. GLC v. Pihak swasta | √ | | |
| 3. Menyediakan mekanisme pembiayaan bersama (<i>co-financing</i>) dengan pihak berkepentingan lain. | i. BPEN / UPEN ii. JPSM | i. PBN ii. Taskforce CFS Negeri iii. Pihak swasta iv. GLC | √ | | |

Nota: **Fasa 1** (2022-2030) **Fasa 2** (2031-2035) **Fasa 3** (2036-2040)
Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1: Menganggarkan Kos Diperlukan bagi Melaksanakan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS dengan Tepat

Pelan induk ini menyediakan anggaran kos bagi melaksanakan tindakan dan inisiatif yang dicadangkan secara keseluruhan (rujuk **Bab 8: Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Induk**). Bagi membolehkan anggaran kos yang lebih tepat mengikut konteks negeri disediakan, setiap cadangan dalam pelan ini perlu diperincikan dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 2: Mengetahui Pasti Sumber Dan Kaedah Pembiayaan Yang Bersesuaian

Sumber pembiayaan utama adalah daripada **Kerajaan Persekutuan** melalui peruntukan pembangunan nasional.

- i. **Kerajaan Negeri** juga digalakkan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam membiayai pelaksanaan strategi-strategi untuk memelihara dan memulihkan Rangkaian Ekologi terutamanya negeri-negeri yang mempunyai dana yang tinggi seperti Selangor dan Terengganu.
- ii. Kerajaan Persekutuan perlu menyediakan program pembiayaan bagi membantu negeri-negeri yang kekurangan dana dan juga berisiko untuk kehilangan hasil serta pendapatan disebabkan pewartaan Hutan Tanah Kerajaan kepada Hutan Simpanan Kekal (HSK), melalui **pemberian insentif atau bayaran pampasan** bagi menggalakkan dan membantu Kerajaan Negeri untuk mengambil bahagian secara aktif dalam pemeliharaan Rangkaian Ekologi CFS.
- iii. Antara pemberian insentif sedia ada oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua negeri adalah **Ecological Fiscal Transfer (EFT)**, yang disediakan melalui KeTSA. Dana daripada EFT ini boleh digunakan bagi melaksanakan inisiatif dalam pelan induk ini yang bersesuaian dengan **9 skop** yang telah ditetapkan.
- iv. Selain itu, terdapat tabung amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu **Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (National Conservation Trust Fund for Natural Resources - NCTF)** yang boleh dipohon oleh Kerajaan Negeri bagi membiayai pelaksanaan pelan induk ini mengikut 4 bidang fokus (**Rajah 5.6**). Pembiayaan dana adalah sehingga jumlah maksimum RM1,000,000 dengan tempoh projek antara 6 bulan hingga 2 tahun. Kerajaan Negeri melalui BPEN / UPEN boleh mengemukakan permohonan bagi cadangan (RFP) bagi pembiayaan di bawah NCTF sebagaimana proses dan prosedur yang telah ditetapkan oleh KeTSA.

Rajah 5.6 : Bidang Fokus Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCFT)**Bidang Fokus 1: Pengurusan Sumber Asli**

- Projek dan aktiviti yang bertujuan untuk mengurus, memantau dan melindungi :
 - a) Kawasan berkepentingan biodiversiti dan KSAS.
 - b) Biodiversiti *in-situ* termasuk ekosistem dan spesies.
 - c) Biodiversiti *ex-situ* termasuk spesies tempatan dan genetik.
- Projek dan aktiviti mitigasi kepada perubahan iklim untuk mengarus perdana konservasi biodiversiti dan pengurusan sumber asli secara mampan.

Bidang Fokus 2: Penyelidikan dan Pembangunan

Pembiayaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di dalam bidang saintifik, teknologi dan sosioekonomi berkaitan konservasi biodiversiti dan pengurusan sumber asli secara mampan selaras dengan dasar-dasar berkaitan konservasi serta komitmen negara di bawah forum dan perjanjian alam sekitar pelbagai hala.

Bidang Fokus 3: Pembangunan Kapasiti

Projek dan aktiviti pembangunan untuk :

- Modal insan dan latihan dalam bidang konservasi biodiversiti dan pengurusan sumber asli secara mampan;
- Meningkatkan kesedaran awam melalui pendidikan, latihan dan pembangunan kapasiti termasuk menyokong kempen bagi perlindungan dan konservasi;
- Memupuk pemahaman dalam pelaksanaan, penguatkuasaan dan penambahbaikan polisi, akta, peraturan dan garis panduan dalam bidang konservasi; dan
- Penganjuran seminar, kursus, bengkel, persidangan dan kolokium yang dibiayai oleh NCTF.

Bidang Fokus 4: Mekanisme Pembiayaan Berkekalan

Projek dan aktiviti untuk melaksanakan mekanisme pembiayaan berkekalan serta perkongsian faedah kewangan dan sumber-sumber lain di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

- v. Selain itu, terdapat juga tabung-tabung lain yang berpotensi sebagai sumber pembiayaan seperti **tabung pelancongan** yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia iaitu Skim Infrastruktur Pelancongan (SIP) (**Rajah 5.7**) yang boleh dipohon bagi melaksanakan inisiatif berkaitan pembangunan dan pengembangan produk pelancongan yang dicadangkan dalam pelan induk ini mengikut kesesuaian.

Rajah 5.7 : Skim Infrastruktur Pelancongan (SIP)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

BPMB
Malaysia Development Bank

TABUNG PELANCONGAN

SKIM INFRASTRUKTUR PELANCONGAN (SIP)
TOURISM INFRASTRUCTURE FUND

- 1** **TEMPOH PERMOHONAN**
1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023 atau tertakluk kepada kesediaan dana.
- 2** **SKOP PEMBIAYAAN**
 - i. Pembelian tanah, pembinaan bangunan, mesin dan pelbagai aset.
 - ii. Modal kerja.
 - iii. Kerja-kerja pengubah-suaian dan naik taraf.
- 3** **KADAR PEMBIAYAAN**
 - i. **Projek Kerajaan**
Cost of Fund (COF) + Margin - Subsidi Kadar Keuntungan
 - ii. **Projek Komersial**
BFR + Margin - Subsidi Kadar Keuntungan
 - Subsidi kadar pembiayaan adalah berdasarkan formula perbezaan kos dana + 1.5%.
 - Kadar efektif adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak berkuasa melalui BPMB.
- 4** **TEMPOH PEMBIAYAAN**
 - i. CAPEX - 20 Tahun
 - ii. OPEX - 5 Tahun
- 5** **JUMLAH PEMBIAYAAN MINIMUM**
RM20.0 Juta
- 6** **JUMLAH MAKSIMUM PEMBIAYAAN**
RM100 Juta atau sehingga 80% daripada jumlah kos projek yang mana lebih rendah.
- 7** **KELAYAKAN PEMOHON**
 - i. Pemohon mestilah berdaftar dengan Akta Syarikat 1985, Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2002 dan/atau Akta Syarikat Koperasi 1970 atau Akta Koperasi 1993.
 - ii. Pemohon mestilah hakmilik warganegara Malaysia dengan memegang saham sekurang-kurangnya 51%.
 - iii. Pemohon mestilah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM5 Juta atau minima 20% daripada jumlah pembiayaan yang mana lebih tinggi.
 - iv. Syarikat sedia ada atau baharu yang menjalankan atau merancang melaksanakan projek pelancongan juga adalah layak untuk memohon.

f @ m y m o t a c | www.motac.gov.my

Sumber : <http://www.motac.gov.my/program/tabung-insentif/tabung-pelancongan>, 2021

- vi. Kerjasama pintar dengan **institusi penyelidikan dan pendidikan** juga digalakkan bagi membiayai program penyelidikan, pendidikan, latihan hutan, program rehabilitasi hutan dan kesedaran awam (*Conservation, Education, Participation And Awareness - CEPA*).
- vii. Selain agensi kerajaan, sumbangan daripada **syarikat korporat, pihak swasta, NGO dan CSO** yang aktif dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti kawasan Rangkaian Ekologi CFS terutamanya yang dibiayai dana di peringkat antarabangsa boleh dilibatkan dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti kawasan Rangkaian Ekologi CFS secara amnya, dan pelaksanaan pelan induk ini khususnya.

Jadual 5.8 menunjukkan antara sumber dan kaedah pembiayaan yang boleh diperincikan dalam Model Kewangan Pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS di peringkat negeri.

Jadual 5.8 : Sumber Dan Kaedah Pembiayaan

| Sumber Pembiayaan | Kaedah Pembiayaan (Kewangan dan Bukan Kewangan) |
|---|---|
| Kerajaan Persekutuan | <ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan pembangunan nasional. • <i>Ecological Fiscal Transfer</i> (EFT) • Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF) • Tabung Pelancongan (Skim Infrastruktur Pelancongan) |
| Kerajaan Negeri | Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH)* |
| Syarikat Korporat / Pihak Swasta | <ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan kewangan (contoh: <i>Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation</i> (MPOGCF)) • Kerjasama Awam Swasta • <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) |
| Pertubuhan Antarabangsa, NGO / CSO, Institusi Pendidikan dan Institusi Pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan kewangan • Sumbangan logistik dan peralatan • Program rehabilitasi hutan • Program penyelidikan, pendidikan dan latihan hutan • Pemindahan teknologi • Lain-lain bantuan sokongan teknikal |

*Nota : Kumpulan Wang Pembangunan Hutan boleh digunakan hanya untuk membiayai rancangan pengurusan hutan negeri, pelaksanaan rancangan penghutan semula hutan dan lain-lain usaha bagi memulihara hutan sebagaimana termaktub dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 3: Menyediakan Mekanisme Pembiayaan Bersama (*Co-financing*) Dengan Pelbagai Pihak Berkepentingan Lain

Menyediakan perincian mekanisme *co-financing* yang sesuai diaplikasikan seperti *Public-Private Partnership* (PPP) dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) dalam Model Kewangan Pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS di peringkat negeri bagi memudah cara serta mempercepatkan proses perolehan dan pengagihan peruntukan. Pelaksanaan inisiatif ini adalah penting sebagai suatu langkah yang lebih proaktif, di mana pihak berkepentingan yang berpotensi seperti syarikat korporat, pihak swasta, NGO dan CSO boleh dikenalpasti dan dipelawa untuk menjalinkan kerjasama di peringkat awal lagi.

MEKANISME KERJASAMA AWAM SWASTA

Kerjasama Awam Swasta atau *Public Private Partnership* (PPP) merupakan satu bentuk kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta di mana satu *stand alone business* diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang merangkumi pembinaan pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan.

KAEDAH PPP

| Penswastaan | Inisiatif Pembiayaan Swasta | Lain-lain |
|--|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> Penjualan Aset / Equiti Peng korporatan Pertukaran Tanah Bina - Kendali - Pindah [BOT] Bina - Kendali - Milik [BOO] Kontrak Pengurusan <i>Outsourcing</i> Pajakan | <ul style="list-style-type: none"> Bina - Pajak - Pindah [BLT] Bina - Pajak - Selenggara - Pindah [BLMT] Bina - Pajak - Selenggara - Kendali - Pindah [BLMOT] | <ul style="list-style-type: none"> <i>Off Take</i> <i>Joint Venture</i> |

KRITERIA PROJEK PPP

| Model PPP | Kos Projek | Tempoh Konsesi | Modal Berbayar |
|-----------------------------|-------------|---|-------------------------------|
| Penswastaan | RM 25 Juta | Sekurang-kurangnya 7 tahun | Sekurang-kurangnya RM 275,000 |
| Inisiatif Pembiayaan Swasta | RM 100 Juta | Bergantung kepada model perniagaan (antara 15 - 25 tahun) | Sekurang-kurangnya RM 275,000 |

(Sumber : Portal rasmi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri, 2021)

Inisiatif yang dicadangkan dalam PIRECFS 2022 perlu diperincikan dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri dengan maklumat projek yang lebih lengkap. Proses ini penting bagi meneliti serta mengenalpasti cadangan projek yang sesuai untuk dilaksanakan melalui kaedah PPP berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP). Secara amnya, proses permohonan projek PPP ditunjukkan sebagaimana carta alir di bawah. Walau bagaimanapun, proses pelaksanaan PPP perlu disesuaikan mengikut konteks negeri dan diperincikan dalam Pelan Model Kewangan Pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS.

PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CFS (PIRECFS) 2022

Memperincikan Inisiatif PIRECFS 2022 ke dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan CFS Negeri

Meneliti dan mengenalpasti cadangan yang sesuai untuk dilaksanakan secara PPP berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP)

Mengesyorkan cadangan projek untuk keputusan Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS)

Memperakukan cadangan projek kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan prinsip

Melaksanakan Makmal pengurusan nilai

Menyediakan, mempelawa dan menilai dokumen Request for Proposal (RFP)

Mengesyorkan syarikat yang layak untuk keputusan Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS)

Memperakukan syarikat yang layak untuk kelulusan Jemaah Menteri

Memaklumkan keputusan Jemaah Menteri kepada syarikat yang berjaya

Merundingkan dan memuktamadkan terma dan syarat perjanjian

Memperakukan terma dan syarat perjanjian untuk kelulusan Jemaah Menteri

Menandatangani perjanjian (agensi bertanggungjawab dan syarikat)

MEKANISME CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)

Tanggungjawab Sosial Korporat atau Corporate Social Responsibility (CSR) bermaksud kewajipan pengurusan sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan yang akan membantu dalam kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi. CSR juga merupakan komitmen bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan imej organisasi.

(Sumber : Laman web rasmi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), 2021)

Secara umumnya, sektor korporat boleh memainkan peranan dalam tiga aspek iaitu **pembangunan ekonomi atau kewangan, kemasyarakatan dan alam sekitar**. Syarikat korporat / pihak swasta digalakkan untuk melaksanakan projek atau program yang dicadangkan dalam PIRECFS 2022 sebagai *Corporate Social Responsibility (CSR)* mereka. Antara aktiviti CSR yang boleh dijalankan :



Sumbangan
kewangan



Aktiviti
penanaman
pokok



Khidmat
masyarakat /
gotong-
royong



Program
kesedaran
kepada orang
awam



Gaya hidup
sihat

Secara amnya, proses pelaksanaan inisiatif PIRECFS 2022 melalui CSR ditunjukkan sebagaimana carta alir di bawah. Cadangan projek atau program yang sesuai untuk dilaksanakan melalui kaedah CSR serta syarikat-syarikat korporat / pihak swasta yang berpotensi mengikut konteks negeri perlu dikenalpasti dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri.

PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CFS (PIRECFS) 2022

Memperincikan Inisiatif PIRECFS 2022 ke dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan CFS Negeri

Meneliti dan mengenalpasti cadangan yang sesuai untuk dilaksanakan secara CSR berdasarkan kerangka tanggungjawab social bagi syarikat awam di Malaysia oleh Bursa Malaysia

Mengenalpasti syarikat korporat dan pihak swasta yang berpotensi (contoh: pengurusan ladang, pemilik pusat penginapan dan lain-lain) mengikut Rangkaian Ekologi

Mempelawa syarikat korporat dan pihak swasta yang berpotensi untuk melaksanakan Inisiatif PIRECFS 2022 sebagai CSR syarikat mereka

T4.2 KAWASAN TERLIBAT DENGAN PELAKSANAAN

Lapan (8) negeri yang terlibat dengan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 dan semua kawasan CFS di Semenanjung Malaysia.

T4.2 PEMANTAUAN

| Indikator Pemantauan Pelaksanaan | Agensi Pemantau |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> i. Penyediaan anggaran kos yang terperinci dalam model kewangan Pelan Tindakan Pemeliharaan CFS Negeri. ii. Jumlah projek dan program yang dibiayai oleh GLC, pihak swasta, NGO / CSO dan pihak berkepentingan lain sama ada melalui sumbangan kewangan atau bukan kewangan. | <ul style="list-style-type: none"> i. KeTSA ii. JPSM |



STRATEGI 4.3 : PENINGKATAN TAHAP KESEDARAN AGENSI DAN MASYARAKAT AWAM MENGENAI CFS

Aktiviti promosi yang kurang dilaksanakan mempengaruhi tahap pendedahan mengenai Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS - 2010 yang lemah dalam kalangan agensi teknikal dan pemegang taruh. Suatu pelan promosi yang menyeluruh daripada peringkat persekutuan, negeri hingga tempatan dicadangkan bagi memberi pendedahan mengenai pelan induk serta meningkatkan kesedaran akan kepentingan pemeliharaan biodiversiti hutan dalam kalangan agensi teknikal, pemegang taruh serta masyarakat.

Tindakan

4.3a

Menyediakan Pelan Promosi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS

T4.3a


PENGENALAN

Terdapat keperluan untuk menyediakan suatu pelan promosi yang menyeluruh daripada peringkat persekutuan, negeri hingga tempatan bagi memberi pendedahan mengenai pelan induk melalui pelbagai medium dan kaedah promosi. Penyediaan pelan promosi membolehkan keperluan untuk peruntukan kewangan dan logistik dirancang dengan lebih awal dan sistematik.

T4.3a PENEMUAN UTAMA

Hasil analisis kaji selidik yang telah dijalankan terhadap 175 agensi teknikal terlibat menunjukkan tahap pendedahan mengenai Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (2010) adalah lemah (**Rajah 5.8**). Majoriti (74%) responden berpendapat bahawa ramai pihak tidak mengetahui akan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS - 2010.

Rajah 5.8 : Pendedahan Mengenai Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS - 2010



T4.3a INISIATIF PELAKSANAAN

| Cadangan Inisiatif Pelaksanaan | Agensi Terlibat | | Fasa Pelaksanaan | | |
|--|--|---------------------|------------------|---|---|
| | Pelaksana Utama | Pelaksana Sokongan | 1 | 2 | 3 |
| 1. Mengedarkan Buku Ringkasan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS di setiap agensi teknikal peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. | i. BPEN / UPEN ii. JPSPM iii. PLANMalaysia | i. KeTSA ii. JPN | √ | | |
| 2. Menerbitkan risalah dan <i>pamphlet</i> bergambar yang boleh diedarkan semasa program <i>roadshow</i> dan pameran. | i. BPEN / UPEN ii. JPSPM iii. PLANMalaysia | i. KeTSA ii. JPN | √ | √ | √ |
| 3. Mengadakan <i>roadshow</i> dan pameran mengenai CFS secara berkala di konvensyen berkaitan biodiversiti, kempen alam sekitar atau dalam acara tahunan agensi. | i. BPEN / UPEN ii. JPSPM iii. JPN | Jabatan PERHILITAN | √ | √ | √ |
| 4. Memasang papan tanda dan billboard di lokasi-lokasi strategik dalam kawasan CFS bukan sahaja sebagai penanda kawasan malahan boleh berperanan untuk meningkatkan kesedaran melalui mesej-mesej nasihat / amaran / peringatan. | i. BPEN / UPEN ii. JPSPM iii. JPN | Jabatan PERHILITAN | √ | √ | |

Nota: **Fasa 1** (2022-2030) **Fasa 2** (2031-2035) **Fasa 3** (2036-2040)

Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

| Cadangan Inisiatif Pelaksanaan | Agensi Terlibat | | Fasa Pelaksanaan | | |
|---|----------------------|----------------------|------------------|---|---|
| | Pelaksana Utama | Pelaksana Sokongan | 1 | 2 | 3 |
| 5. Menyediakan <i>portal web</i> khas CFS merangkumi segala aspek untuk mempromosi CFS serta membantu meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan untuk memelihara, memulihara dan melindungi hutan. | i. KeTSA ii. JPSM | SKMM | √ | | |
| 6. Manfaatkan penggunaan media sosial setiap agensi dan pihak berkepentingan lain sebagai medium untuk memperkenalkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS. | i. KeTSA ii. JPSM | Taskforce CFS Negeri | √ | √ | √ |

Nota: **Fasa 1** (2022-2030) **Fasa 2** (2031-2035) **Fasa 3** (2036-2040)

Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan



Contoh papan tanda dan billboard di Yellowstone National Park.



Contoh penyampaian mesej kesedaran dalam billboard.

- i. Usaha mempromosikan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS perlu melalui pelbagai medium seperti buku, risalah, pameran, papan tanda, laman web dan media sosial serta dijalankan secara berterusan oleh *Taskforce* CFS Negeri bagi meningkatkan pendedahan dalam kalangan agensi teknikal dan masyarakat awam mengenai kewujudan CFS.
- ii. Keberkesanan pelan promosi CFS perlu dipantau dengan menjalankan kajian soal selidik dalam kalangan agensi dan masyarakat awam. Hasil analisis kajian mencerminkan sama ada usaha promosi CFS telah berjaya atau gagal dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan mengekalkan dan memelihara hutan, khususnya kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi .
- iii. Aktiviti mempromosikan pelan induk ini juga boleh diintegrasikan dalam sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat kebangsaan dan juga negeri.

T4.3a KAWASAN TERLIBAT DENGAN PELAKSANAAN

Lapan (8) negeri yang terlibat dengan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 dan semua kawasan CFS Semenanjung Malaysia.

T4.3a PEMANTAUAN

| Indikator Pemantauan Pelaksanaan | Agensi Pemantau |
|--|---|
| i. Peratus agensi teknikal peringkat persekutuan, negeri dan tempatan yang memperoleh Buku Ringkasan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS. ii. Tahap pendedahan dalam kalangan agensi mengenai CFS iii. Tahap penyediaan risalah dan pamflet bergambar. iv. Jumlah <i>roadshow</i> dan pameran mengenai CFS. v. Jumlah papan tanda dan <i>billboard</i> . | i. KeTSA ii. JPSPM iii. BPEN / UPEN |

**Nota : (i) dan (ii) boleh dinilai melalui kajian soal selidik dalam penilaian outcome yang dijalankan selepas setiap fasa pelaksanaan sebagaimana Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program / Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome (Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 oleh Jabatan Perdana Menteri).*

Tindakan
4.3b

Meningkatkan Kesedaran serta Penglibatan Awam dalam Usaha Memelihara, Memulihara dan Melindungi Hutan


T4.3b PENGENALAN

Pengetahuan dan kesedaran masyarakat awam adalah penting bagi memastikan usaha-usaha untuk memelihara, memulihara dan melindungi hutan dapat diterima dan mendapat sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat awam. Selain promosi, kempen-kempen kesedaran serta aktiviti yang melibatkan masyarakat awam secara langsung dengan usaha-usaha pemuliharaan hutan seperti aktiviti restorasi dapat meningkatkan kefahaman serta mewujudkan semangat untuk melindungi hutan yang mendalam, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang akan menjadi pelapis kepada para pemimpin dan pelaksana.

T4.3b PENEMUAN UTAMA

Hasil analisis kaji selidik yang telah dijalankan terhadap **135 orang awam** menunjukkan tahap kesedaran orang awam berkenaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (2010) adalah lemah. Majoriti responden (60%) tidak mengetahui akan kewujudan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (2010) (**Rajah 5.9**). Terdapat keperluan untuk meningkatkan peruntukan kewangan serta aktiviti-aktiviti kesedaran awam bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat awam mengenai kepentingan hutan amnya dan juga CFS khususnya.

Rajah 5.9: Tahap Kesedaran Orang Awam Berkenaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (2010)



Jadual 5.9 : Peruntukan Fasa RMKe-11 untuk Skop 4 (Peningkatan Kesedaran Awam)

| Tahun 2016 (RM) | Tahun 2017 (RM) | Tahun 2018 (RM) | Tahun 2019 (RM) | Tahun 2020 (RM) |
|---|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| 0.00 | 81,045.00 | 73,150.00 | 3,591,440.00 | 200,000.00 |
| Jumlah Keseluruhan : RM 3,945,635.00 | | | | |

T4.3b INISIATIF PELAKSANAAN

| Cadangan Inisiatif Pelaksanaan | | Agensi Terlibat | | Fasa Pelaksanaan | | |
|--------------------------------|--|----------------------------------|---|------------------|---|---|
| | | Pelaksana Utama | Pelaksana Sokongan | 1 | 2 | 3 |
| 1. | Memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat melalui pelaksanaan program <i>Conservation, Education, Participation and Awareness (CEPA)</i> . | i. KeTSA ii. JPSM | i. JPN ii. Jabatan PERHILITAN iii. PLANMalaysia iv. Institusi Pendidikan v. Institusi Penyelidikan vi. NGO / CSO | √ | √ | √ |
| 2. | Meningkatkan kefahaman dan pembangunan kapasiti agensi pelaksana mengenai CFS melalui bengkel dan lawatan teknikal | i. KeTSA ii. JPSM iii. JPN | i. JPN ii. Jabatan PERHILITAN iii. PLANMalaysia iv. Institusi Pendidikan v. Institusi Penyelidikan vi. NGO / CSO | √ | √ | √ |

Nota: **Fasa 1 (2022-2030)** **Fasa 2 (2031-2035)** **Fasa 3 (2036-2040)**

Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

**Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1:
Memberi Pendedahan serta Meningkatkan Kesedaran dalam Kalangan Masyarakat Melalui Pelaksanaan Program *Conservation, Education, Participation And Awareness (CEPA)***

- i. Menyediakan Pelan Pelaksanaan Program CEPA CFS di peringkat negeri merangkumi program-program yang melibatkan pelbagai agensi dan skop pengkhususan contohnya seperti berikut:

| Skop Pengkhususan | Golongan Sasaran |
|---|---|
| Modul Pembelajaran Kokurikulum Peringkat Sekolah dan Universiti | <ul style="list-style-type: none"> • Murid dan warga sekolah • Pelajar universiti |
| Modul Pembelajaran Lesen Pemandu | <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar sekolah memandu |
| Pengurangan konflik manusia-hidupan liar | <ul style="list-style-type: none"> • Pihak swasta (pengusaha ladang dan pengusaha produk pelancongan) • Komuniti setempat |

Pelan pelaksanaan ini boleh diintegrasikan ke dalam Pelan Tindakan Pemeliharaan CFS Negeri sebagai panduan yang dapat melancarkan usaha-usaha peningkatan kesedaran awam.

- ii. Program CEPA CFS perlu merangkumi pelbagai golongan masyarakat iaitu seawal kanak-kanak di peringkat sekolah rendah sehingga pendidikan tinggi yang merupakan asas untuk memupuk kesedaran kepentingan melindungi hutan di peringkat awal.
- iii. KeTSA sebagai peneraju pelan induk ini boleh menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk mengintegrasikan program CEPA CFS dalam pembelajaran kokurikulum di peringkat sekolah sehingga universiti.
- iv. Program CEPA CFS juga perlu menekankan kepada aspek pengurangan konflik manusia-hidupan liar. Komuniti setempat dan pihak swasta seperti pengusaha ladang dalam kawasan CFS dan sekitarnya perlu diberikan pendedahan akan kaedah untuk *co-exist* dengan kehidupan liar.
- v. Selain itu, program CEPA CFS juga penting bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemandu seterusnya mengurangkan kes *roadkill* dalam kawasan CFS. Antara program yang boleh diadakan termasuklah :
 - a. Program Pencegahan Perlanggaran Hidupan Liar (*Wildlife Collision Prevention Program / WCPP*) yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran pemandu terhadap pemanduan di kawasan yang berdekatan dengan hutan.
 - b. Bagi memberi pendedahan awal aspek pemanduan di kawasan berdekatan hutan, modul semasa pengambilan lesen kenderaan perlu ditambah baik.
 - c. Mengenakan denda akibat melanggar mati haiwan liar setelah papan tanda amaran diletakkan sekiranya tidak melaporkan kepada polis sebagaimana dilaksanakan di Dubai.
 - d. Melaksanakan kempen atau siri pertandingan sama ada di peringkat negeri atau negara berkaitan lintasan hidupan liar seperti di Eropah dari segi reka bentuk dan sebagainya. Contohnya ARC *International Wildlife Crossing Infrastructure Design Competition*. Penglibatan pelbagai pakar akan menarik minat masyarakat dalam merancang reka bentuk jalan lebih selamat kepada hidupan liar.
 - e. KeTSA juga boleh mencadangkan kepada JPJ agar mengintegrasikan program CEPA CFS dalam modul pembelajaran lesen memandu agar perlanggaran hidupan liar dapat dikurangkan.
 - f. Menjalankan kempen kesedaran pandu perlahan di kawasan hutan CFS.
- vi. Meningkatkan kempen kesedaran kepentingan menjaga hutan dan kawasan CFS melalui media massa seperti televisyen dan radio agar masyarakat sedar akan kepentingan untuk menjaga hutan.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 2: Meningkatkan Kefahaman dan Pembangunan Kapasiti Agensi Pelaksana Mengenai CFS Melalui Bengkel dan Lawatan Teknikal

- i. Mengadakan bengkel antara agensi pelaksana bersama pemegang taruh bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan dalam pelaksanaan pembangunan di kawasan Rangkaian Ekologi di Semenanjung Malaysia. Sepanjang tempoh penyediaan kajian ini, sesi lawatan, perbincangan, FGD (*Focus Group Discussion*) dan TWG (*Technical Working Group*) telah dijalankan bersama pemegang taruh / agensi teknikal.
- ii. Mengadakan lawatan teknikal bagi mendedahkan agensi-agensi pelaksana kepada *best practice* yang boleh diaplikasikan bagi menambah baik pengurusan Rangkaian Ekologi CFS. Rangkaian Ekologi yang berjaya melaksanakan program pemeliharaan dan pemuliharaan yang efisien seperti B-SL1 di Selangor boleh dijadikan contoh oleh negeri-negeri yang lain.

T4.3b KAWASAN TERLIBAT DENGAN PELAKSANAAN

Lapan (8) negeri yang terlibat dengan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 dan semua kawasan CFS di Semenanjung Malaysia.

T4.3b PEMANTAUAN

| Indikator Pemantauan Pelaksanaan | Agensi Pemantau |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> i. Peningkatan kesedaran awam dalam kalangan masyarakat awam mengenai CFS. ii. Jumlah penglibatan jabatan / agensi / NGO / CSO dalam penganjuran program kesedaran masyarakat. iii. Jumlah program kesedaran masyarakat mengenai CFS yang berjaya dilaksanakan. | <ol style="list-style-type: none"> i. KeTSA ii. JPSM |